
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2003/2004

September 2003

EUT 201/2 – Teknik Berfikir

Masa : 3 jam

Arahan Kepada Calon:

1. Sila pastikan kertas peperiksaan ini mengandungi **EMPAT (4)** muka surat bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.
2. Kertas ini dibahagikan kepada **DUA [2]** bahagian: Bahagian A dan Bahagian B. Jawab **DUA [2]** soalan sahaja. **SATU[1]** daripada Bahagian A dan **SATU[1]** daripada Bahagian B.
3. Sila catatkan dengan jelas nama pensyarah/tutor yang mengendalikan kelas tutorial anda di sudut kiri skrip jawapan.
4. Semua soalan mempunyai markah yang sama.
5. Semua jawapan **MESTILAH** dimulakan pada muka surat yang baru.
6. Semua soalan **MESTILAH** dijawab dalam Bahasa Malaysia.
7. Tuliskan nombor soalan yang dijawab di luar kulit buku jawapan anda.

BAHAGIAN A: (Jawab **SATU [1]** soalan sahaja)

1. Dalam usaha kerajaan untuk mengembalikan keyakinan semua rakyat Malaysia terhadap kebolehan dan kecemerlangan pelajar IPTA khususnya pelajar Bumiputra bagi menghadapi dunia globalisasi yang semakin mencabar, maka beberapa dasar baru pendidikan telah diperkenalkan. Tambahan pula kini kadar pengangguran di kalangan pelajar yang keluar universiti telah meningkat dengan alasan mereka tidak pandai berkomunikasi khususnya dalam Bahasa Inggeris. Sehubungan dengan itu maka kerajaan telah memperkenalkan dan melaksanakan Bahasa Inggeris bagi mata pelajaran Sains dan Matematik di peringkat sekolah.

(a) Sebagai pelajar universiti yang tergelung dalam masyarakat intelek, berfikiran terbuka, positif dan analitikal, berikan pandangan dan analisa anda mengenai perkara ini.

(20 markah)

(b) Dengan menggunakan mana-mana empat alat berfikir yang sesuai, buat satu cadangan kepada kerajaan sama ada anda menyokong atau sebaliknya dasar baru pendidikan tersebut. Sekiranya anda tidak menyokong dasar ini, berikan cadangan alternatif yang perlu dilaksanakan oleh kerajaan bagi membantu meningkatkan kecemerlangan pelajar IPTA dan seterusnya mengurangkan kadar pengangguran dikalangan mereka.

(80 markah)

BAHAGIAN B: Jawab **SATU [1]** soalan sahaja.

2. Semua pelajar Kejuruteraan perlu mengikuti latihan industri pada masa cuti selepas Tahun Tiga selama 10 minggu sebagai pendedahan kepada pelajar tentang dunia pekerjaan sebenar. Universiti selalu menghadapi masalah penempatan pelajar bagi mengikuti latihan industri. Sebagai salah seorang pelajar yang akan atau telah mengikuti latihan industri, berikan sumbangan idea anda menggunakan enam topik berfikir untuk membantu pusat pengajian kejuruteraan mencari jalan penyelesaian bagi mendapatkan tempat menjalani latihan industri dan seterusnya mencapai hasrat supaya latihan industri yang dijalankan benar-benar dapat memberi faedah dan kematangan kepada pelajar. Berikan pandangan, cadangan dan kesimpulan anda mengenai pelaksanaan latihan industri yang lebih berkesan.

(100 markah)

- 4 (a) Di dalam kuliah, telah dinyatakan bahawa pemikiran vertikal sesuai untuk proses pembelajaran, tetapi pemikiran lateral lebih sesuai untuk digunakan semasa bekerja sebagai seorang jurutera. Huraikan maksud kenyataan ini dengan memberikan contoh yang sesuai.

(30 markah)

- (b) Anda telah diberikan pendedahan mengenai cabaran-cabaran yang perlu diatasi Malaysia untuk mencapai Wawasan 2020. Di dalam akhbar pula, seringkali dilaporkan isu dan berita, yang jelas boleh menjejaskan pencapaian wawasan ini. Pilih satu masalah yang anda rasakan sebagai satu ancaman serius terhadap pencapaian wawasan 2020. Huraikan masalah tersebut, dan bincangkan mengapa anda memilih masalah ini sebagai ancaman utama terhadap ketidakupayaan negara mencapai satu atau beberapa cabaran Wawasan 2020.

(70 markah)

5. Sekiranya anda berijazah dengan memperolehi Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan dalam bidang masing-masing dalam jangka masa yang telah di rancang, apakah pekerjaan dan tempat bekerja yang anda harapkan?. Jika anda gagal memperolehi pekerjaan tersebut, apakah pekerjaan lain yang anda rasakan boleh anda lakukan dan kenapa anda memilih pekerjaan tersebut?. Berikan alasan-alasan anda berdasarkan alat-alat berfikir PMI, OPV, CAF dan FIP.

(100 markah)